
ANALISA KETIDAKSELARASAN TAKSIRAN ZAKAT PERTANIAN DI MALAYSIA

Muhamad Firdaus Ab Rahman
Azman Ab Rahman
Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi
Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu ketidakselarasan taksiran zakat pertanian di Malaysia. Pengurusan zakat pertanian di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-Negeri berdasarkan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru, terdapat kepelbagaian dasar dan hukum yang ditetapkan oleh Jabatan Mufti Negeri melalui Jawatankuasa Fatwa dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berpandukan kepada Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing. Misalnya ketidakselarasan penetapan nisab bagi timbangan metrik gantang iaitu 363 gantang, 375 gantang dan 400 gantang. Begitu juga kepelbagaian kadar yang diaplikasikan di negeri-negeri yang sebahagiannya hanya mengenakan kadar tunggal sama ada 5% atau 10% sahaja dan sebahagian negeri yang lain menetapkan kepada kadar alternatif 7.5%. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisa punca kepelbagaian taksiran nisab dan meneliti faktor penetapan kadar zakat tanaman di Malaysia serta mengkaji pelepasan kos operasi tanaman dan kos sara diri petani sebelum diwajibkan zakat pertanian. Metodologi kajian menggunakan data primer dengan menggunakan 5 buah sampel kajian iaitu negeri Selangor, Pulau Pinang, Perlis, Terengganu dan Sarawak. Data diperoleh dengan menemu bual responden yang terdiri daripada pegawai zakat dan pegawai jabatan mufti di lima buah negeri. Penganalisan data menggunakan kaedah deskriptif dan komparatif.

Implikasi kajian ini mendapati setiap fatwa yang telah dikeluarkan perlu dinilai semula dari semasa ke semasa agar hukum zakat pertanian senantiasa bersifat semasa, dinamis dan praktikal.

Kata Kunci: Zakat Pertanian, Ketidakselarasan, Nisab, Kadar, Pelepasan Kos

THE ANALYSIS OF NON-UNIFORMITY ESTIMATION OF AGRICULTURAL ZAKAH IN MALAYSIA

ABSTRACT

This research analyzed the issue of non-uniformity estimation of agricultural zakah in Malaysia. The administration and management of zakah is under the jurisdiction of State Islamic Council (MAIN) as stated in Federal Constitutions. Thus, there are diversity policies and laws set by the State Mufti Department through the Fatwa Committee and the State Islamic Religious Council (MAIN) based on the Administration of Islamic Law Enactment or Ordinance respectively, for example inconsistency nisab setting for metric weights of 363 bushels, 375 bushels and 400 bushels. Similarly, the applied rate variability in some states only charge a single rate either 5% or 10% and most other states limit the alternative rate of 7.5%. The objectives of this study are to research the causes of diversity assessment and examine factors of agriculture zakah in Malaysia such as nisab, rate and to study the deduction of costs in Malaysia. Therefore, this study analyses the non-uniformity estimation of agriculture zakah involving policy makers, namely the State Mufti Department and officers in charge of the zakah management namely the State Baitulmal. The methodology of this study is done using the primary data which is the interview with the State Mufti Department and the State Baitulmal in states of Selangor, Penang, Perlis, Terengganu and Sarawak. The data analysis uses the descriptive and the comparative methods. This study carries an important implication, where every fatwa that has been issued needs to be reassessed from time to time, so that the law of zakah-granting will continuously be current, dynamic and more importantly, practical to be used by from one generation to another.

Keywords: Agriculture Zakah, Non-uniformity, Nisab, Rate, Deduction of Costs

PENDAHULUAN

Realiti pengurusan zakat di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam jadual kesembilan senarai II senarai negeri (Perlembagaan Persekutuan, 2006). Pentadbiran zakat terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri MAIN dan di sesetengah negeri diletakkan di bawah institusi khas yang terasing dari MAIN. Pelaksanaan segala dasar dan kegiatan Majlis Agama Islam di sesebuah negeri berpandukan kepada Enakmen atau Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Negeri. MAIN adalah sebuah badan yang terletak di bawah DYMM Sultan atau Yang Dipertuan Agong yang mana ia bertanggungjawab ke atas segala urusan berkaitan dengan kegiatan Islam di negeri berkenaan termasuklah Jabatan Mufti dan Pusat Pengurusan Zakat.

Pentadbiran pengurusan agihan zakat di Malaysia terbahagi kepada dua kategori. Pertama, agihan zakat di bawah Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri masing-masing seperti yang dipraktikkan di negeri Perlis, Kedah, Perak, Johor, Sabah, Kelantan, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak, Wilayah Persekutuan dan Terengganu. Walaupun MAIN telah menubuhkan anak syarikat korporat (*corporate governance*) yang menguruskan zakat di negeri masing-masing seperti Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, Pusat Zakat Melaka, Pusat Kutipan Zakat Pahang dan Pusat Zakat Negeri Sembilan, namun begitu kuasa agihan zakat masih dikekalkan di bawah Baitulmal MAIN. Kategori kedua ialah agihan yang dilakukan oleh syarikat korporat atau anak syarikat yang ditubuhkan khusus oleh MAIN untuk mengurus kutipan dan agihan zakat bagi pihak MAIN secara serentak dan bersepadu seperti di Lembaga Zakat Selangor dan Pusat Urus Zakat Pulau Pinang sahaja.

Permasalahan kajian ini ialah terdapat kepelbagaian hukum dalam taksiran zakat pertanian di Malaysia, secara ringkasnya terdapat tiga kategori dalam taksiran zakat pertanian melibatkan nisab, kadar dan penolakan kos tertentu sebelum dikenakan zakat tanaman, seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Ketidakselarasan taksiran zakat tanaman di Malaysia

Bil	Negeri	Kadar (%)	Nisab (Gantang)	Kos Tanaman
1	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	5	363	Tidak ditolak
2	Pusat Urus Zakat Penang (PUZ MAINPP)	10	363	Tolak kos operasi
3	MAIDAM Terengganu	5 10	375	Tidak ditolak
4	Baitulmal Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs)	5 10	363	Tolak kos operasi dan kos sara diri
5	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	5 10 7.5	400	Sarawak sahaja yang tolak kos operasi

Sumber: Laman Sesawang Pusat Zakat Negeri

Justeru kajian ini dijalankan bagi menganalisa ketidakselarasan zakat pertanian di lima buah negeri yang menjadi sampel kajian iaitu di Selangor, Sarawak, Pulau Pinang, Terengganu dan Perlis. Justifikasi pemilihan negeri-negeri tersebut merujuk kepada kepelbagaian nisab, kadar dan penolakan kos-kos zakat pertanian yang berbeza berdasarkan Jadual 1 di atas. Kajian ini akan memperincikan definisi zakat pertanian di setiap negeri sampel kajian, seterusnya menganalisa faktor kepelbagaian taksiran zakat pertanian meliputi nisab, kadar dan penolakan kos operasi dan kos sara diri.

METODOLOGI KAJIAN

Metode Pengumpulan Data

Secara umumnya kajian ini menyetengahkan data kualitatif dalam metode pengumpulan data. Kaedah utama kajian ini ialah kaedah penyelidikan teoretikal (kajian perpustakaan) dan kaedah empirikal

(kajian lapangan). Kaedah penyelidikan empirikal pula melibatkan dua peringkat iaitu pengumpulan dan analisis data. Kajian ini akan mengumpulkan data-data primer dan sekunder.

a) Kajian Perpustakaan

Melalui kaedah teoretikal, kajian perpustakaan dilakukan untuk mengumpul maklumat awal mengenai latar belakang kajian iaitu mencari `illah mensabitkan zakat pertanian selain tanaman padi dan meneliti penolakan kos operasi tanaman zakat pertanian tersebut serta mencari hubung kait dengan masalah. Sumber primer dan sekunder juga akan dikaji melibatkan kajian terhadap buku-buku zakat dan zakat pertanian, artikel ilmiah, jurnal, latihan-latihan ilmiah serta kertas kerja persidangan dan maklumat daripada laman sesawang rasmi. Data-data diambil daripada pelbagai perpustakaan; Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za`ba Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kajian ini juga melibatkan kaedah dokumentasi dengan mengambil dokumen berkenaan zakat pertanian dan juga menggunakan kaedah historis yang lebih memfokuskan amalan *athar* para Khulafa' al-Rasyidin yang melakukan ijtihad terhadap sumber zakat.

b) Metode Temu Bual

Metode temu bual digunakan secara bersemuka (*face-to-face*) bersama pakar dalam bidang zakat khususnya mereka yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran dan pengurusan hukum zakat, responden terdiri daripada Institusi Zakat Negeri dan Jabatan Mufti Negeri. Objektif kajian temu bual ini bagi mendapat maklumat berkenaan fatwa-fatwa zakat pertanian yang telah diputuskan di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri dan kaedah pelaksanaan semasa pengurusan zakat tanaman di Baitulmal Negeri. Begitu juga bagi mendapatkan sudut pandangan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan.

Kaedah temu bual separa-berstruktur dijalankan dengan kaedah merekodkan data menggunakan catatan bertulis dan rakaman suara MP3 (dengan kebenaran responden). Pemilihan responden untuk ditemu bual ditetapkan berdasarkan objektif kajian yang hendak dicapai. Soalan temu bual di struktur dengan

merujuk kepada keperluan kajian iaitu melibatkan kajian taksiran zakat pertanian. Kiriman awal soalan temu bual dibuat dan setiap soalan ditanya dan dijawab satu persatu. Struktur soalan yang dibuat dengan mengkategorikan setiap soalan kepada isu-isu yang diketengahkan agar memudahkan analisa data transkripsi temu bual.

Metode Penganalisisan Data

Peringkat kedua dalam metode empirikal ini ialah pemprosesan dan analisis data. Bagi menganalisis data yang diperolehi, metodologi yang digunakan ialah berbentuk analisis induktif, deduktif dan komparatif.

i. Analisis Induktif:

Dalam pendekatan induktif bermula dengan satu set dapatan kajian atau hasil kajian daripada sesebuah penyelidikan dan kemudian berusaha untuk membangunkan satu penjelasan teoretikal daripada hasil tersebut. Kaedah yang digunakan ini bagi menjalankan analisis melalui kaedah analisis kandungan iaitu dengan menumpukan kepada pandangan ulama silam dan kontemporari mengenai isu taksiran zakat pertanian serta meliputi perbincangan kos-kos tanaman. Kaedah analisis hukum terhadap hujah dan pandangan fuqaha tentang zakat pertanian juga diketengahkan.

ii. Analisis Deduktif:

Dalam pendekatan deduktif penulis akan mengumpul data mengenai sesuatu kes dan menggunakan teori tersebut untuk menjelaskan data yang diperolehi. Soalan temu bual distruktur daripada data perpustakaan secara deduktif.

iii. Analisis Komparatif:

Membandingkan data hasil daripada temu bual dan dokumentasi dengan kelima-lima negeri, melihat kaedah yang bertepatan dengan keadaan semasa. Dalam hal ini, kaedah perbandingan juga dilakukan dengan mencari titik persamaan dan perbezaan antara pandangan responden untuk mengeluarkan resolusi yang sistematik, bersepadu dan konsisten. Kemudian kaedah analisis nilai 'urf, masalah, semasa dan setempat digunakan bagi melihat kewajaran menyelesaikan isu-isu berkaitan hukum zakat pertanian di Malaysia.

- iv. Analisis Deskriptif:
Menggunakan jadual, rajah dan graf bagi menganalisis data yang diperoleh daripada proses temu bual dan laporan-laporan.

SOROTAN LITERATUR

Antara karya yang menjadi rujukan utama berkenaan isu zakat kontemporari ialah buku *Fiqh Zakah* oleh Yusuf al-Qardawi (1973). Objektif penulisan buku ini ialah menjelaskan hukum-hukum zakat secara menyeluruh. Hasil dapatan kajian, Yusuf al-Qardawi berpendapat dalam isu zakat pertanian diwajibkan ke atas semua pertanian dan tidak terhad kepada makan ruji sesuatu tempat sahaja berdasarkan masalah serta kepentingan maqasid syari'ah. Namun, kajian ini tidak memperincikan dalam konteks Malaysia yang majoritinya berpegang kepada mazhab Syafie serta tidak menerangkan perbandingan dan konstruktif jika pertanian dikategorikan di bawah zakat pertanian tidak di bawah 2.5% zakat perniagaan.

Mujaini Tarimin (1987) telah membuat kajian mengenai zakat pertanian sistem dan perlaksanaannya di Malaysia dengan rujukan khas kepada mukim Tanjung Karang Selangor. Kajian ini secara khususnya menjadikan Tanjung Karang sebagai kes kajian dalam menilai anggaran pendapatan zakat padi. Akhir perbincangan kajian ini Mujaini Tarimin telah mencadangkan agar Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) lebih terbuka dalam persoalan bermazhab, mempelbagaikan hasil pertanian seperti koko, kelapa, kelapa sawit, getah dan tanaman lain, mencadangkan kadar nisab sebanyak 600 gantang padi dan 400 gantang beras, zakat pertanian diwajibkan sebanyak 5% disebabkan oleh sektor pertanian telah moden dan sistem taksiran zakat pertanian hendaklah diperkenalkan secara meluas dan sistematik.

Amalan zakat pertanian di Malaysia banyak dipengaruhi pendapat Imam Syafie, ini dibuktikan dengan kajian disertasi Mahyuddin Abu Bakar (2000) dan Mohammad Azam Hussain (2004). Mohammad Azam Hussain dalam kesimpulannya menyatakan walaupun diharuskan kepada petani berpegang kepada mazhab Syafie dalam amalan berzakat namun umat Islam bebas berpegang kepada mana-mana mazhab muktabar. Fenomena semasa memperlihatkan bahawa kaedah pengiraan zakat padi lebih sesuai dipraktikkan berdasarkan mazhab Hanafi, iaitu zakat akan dikeluarkan berdasarkan kepada penghasilan bersih padi bukan penghasilan kasar.

Seterusnya karya zakat oleh Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid (2003). Karya ini dilihat banyak terpengaruh dengan metodologi Syeikh Yusuf al-Qardawi dalam pentafsiran beberapa konsep berhubung zakat dengan penghuraian berasaskan nas al-Quran dan Sunnah, taksiran-taksiran serta pandangan fiqh para fuqaha. Penambahbaikan karya Mahmood Zuhdi ini jelas dengan membahaskan nilai serta realiti semasa yang boleh diambil sebagai metodologi penentuan hukum Islam agar ia lebih bersesuaian dengan keadaan semasa. Walaupun begitu, kajian ini tidak membincangkan hubung kait antara zakat pertanian dan maqasid semasa secara mikronya.

Seterusnya kajian oleh Asmak Ab. Rahman (2004) yang membahaskan berkenaan konsep pertanian daripada perspektif Islam, mengkaji pemikiran sarjana Islam tentang zakat pertanian serta mengkaji berkenaan pemilikan tanah pertanian, penyewaan dan sekuriti makanan. Hasil dapatan kajian beliau telah menetapkan kaedah pengiraan yang lebih mudah dan jelas antaranya kaedah kos pengiraan kos tanaman padi, pengiraan zakat padi, pengiraan pendapatan jualan padi dan subsidi bersih petani semusim dan pengiraan zakat padi daripada pendapatan bersih petani sebelum zakat. Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan iaitu kadar nisab zakat padi yang perlu disesuaikan dengan suasana semasa dengan mengambil kira garis kemiskinan dalam konteks ekonomi semasa. Asmak tidak bersetuju dengan kadar nisab oleh Pusat Zakat Selangor sebanyak 1.306 tan bersamaan dengan nilai RM1077.45 ini berdasarkan soal selidik yang dilakukan hanya 1.0% yang memperoleh hasil padi antara 1.306 hingga 1.6 tan. Isu kedua Asmak menyarankan agar taksiran zakat padi perlu ditolak kos penanaman dan kos sara hidup.

Terdapat juga artikel-artikel yang fokus membincangkan isu zakat pertanian di Malaysia oleh Mohd Rifqi Myibbin et al. (2004). Tujuan kajian ini bagi melihat kewajaran zakat dipungut daripada perusahaan pertanian komersial serta mengutarakan kaedah pengiraan zakat pertanian moden. Hasil dapatan kajian ini adalah kesimpulan hukum berkenaan zakat pertanian serta kaedah pengiraan zakat pertanian komersial. Namun masih terdapat kelompangan iaitu Mohd Rifqi tidak menjelaskan secara terperinci peranan maqasid syari'ah dalam menentukan keperluan demi kemaslahatan umum. Justeru kajian ini dibahaskan dengan lebih terperinci sebagai kajian ilmiah dengan menghubungkan antara penetapan taksiran zakat pertanian semasa agar lebih dinamis.

Kajian berkenaan dengan `illah zakat pertanian telah dibahaskan oleh Abdul Basir Mohammad (2006). Kajian ini dibahaskan bagi mengenal pasti `illah tentang jenis-jenis tanaman dan buah-buah tertentu diwajibkan zakat. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan Abdul Basir Mohamad bersetuju dengan pendapat mazhab Syafie dan Maliki dengan berpegang bahawa zakat pertanian hanya dikenakan kepada makanan asasi dan tahan lama seperti padi, manakala jenis-jenis tanaman yang lain dikenakan zakat perniagaan. Penulis kurang bersetuju dengan kajian ini dengan hanya melihat pentafsiran lama para ulama tanpa menitikberatkan nilai semasa dan masalah asnaf serta maqasid syari`ah. Taksiran zakat seharusnya dilihat berdasarkan keadaan semasa, oleh itu kajian ini dilakukan bagi menganalisa serta melihat kaedah yang terbaik bagi mengatasi ketidakselarasan taksiran ini.

Kajian Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2008) dijalankan bagi melihat kemungkinan untuk meluaskan sumber zakat bagi sektor pertanian. Zakat pertanian yang dikenakan di Malaysia sangat minimum iaitu tertumpu kepada pertanian padi sahaja, kesannya penghasilan sumber zakat turut minimum. Realiti pertanian di Malaysia sekarang sudah dikomersialkan dan para petani mendapat hasil yang sangat lumayan. Persoalan yang ditimbulkan oleh penyelidik adalah mengapa zakat tidak dikenakan kepada tanaman-tanaman komersial yang lain seperti tanaman getah, kelapa sawit dan koko. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa kegiatan sektor pertanian boleh dizakatkan berdasarkan data primer yang dipungut seluruh Malaysia membuktikan sebanyak 52.9% responden menyokong untuk dikenakan zakat ke atas harta yang di ikhtilaf termasuklah sektor pertanian. Peratusan 52.9% ini merangkumi sokongan masyarakat majmuk berkenaan tanaman industri iaitu hasil pertanian kelapa sawit, dusun, getah, koko, madu dan sayur-sayuran. Namun cabaran yang dihadapi adalah bagi menetapkan jenis tanaman yang wajib dikenakan zakat, `illah mensabitkan zakat ke atas semua hasil tanaman dan penyediaan modul perakaunan zakat bagi setiap taksiran tanaman. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat faktor ketidakselarasan taksiran zakat pertanian di Malaysia dan bagaimana mengatasinya.

Antara kajian empirikal mengenai zakat pertanian secara berfokus adalah tesis kajian Nor Aini Ali (2013). Kajian kualitatif dan kuantitatif ini dilakukan ke atas Baitulmal Negeri dan para petani di negeri Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Hasil kajian menunjukkan kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar tidak menjamin

keadilan sosial dalam kalangan petani (*muzakki*). Walaupun tesis ini menganalisa berkenaan taksiran zakat padi secara terperinci meliputi penetapan nisab, kadar dan penolakan kos. Namun kajian ini lebih terarah kepada soal perakaunan zakat dan tidak membincangkan daripada aspek hukum penetapan kadar zakat pertanian dalam Islam.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan beberapa sub topik yang penting yang perlu diperincikan satu persatu bagi menjawab objektif kajian iaitu menganalisa punca kepelbagaian taksiran nisab dan meneliti faktor penetapan kadar zakat tanaman di Malaysia serta mengkaji pelepasan kos operasi tanaman dan kos sara diri petani sebelum diwajibkan zakat pertanian. Sub topik tersebut meliputi perbincangan definisi zakat pertanian di Malaysia, nisab, haul, kadar dan penolakan kos sebelum dikenakan zakat pertanian di Malaysia.

Definisi Zakat Pertanian Di Malaysia

Di Malaysia, seluruh negeri hanya mengenakan zakat ke atas tanaman padi sahaja (Hasanah Abd Khafidz, 2006) berdasarkan pandangan Imam al-Syafie (al-Syafie, 1973) yang mengenakan terhadap makanan asasi sesuatu tempat, tahan disimpan lama dan boleh dikeringkan. Namun, tidak ditetapkan pendefinisian yang khusus di negeri-negeri, ini kerana tafsiran zakat tanaman sedia ada terlalu umum (Temu bual bersama Mohd Farid Mohd Zainal, Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor bertarikh 12 September 2012) berdasarkan dalil daripada surah al-Baqarah 2:267 dan pendapat mazhab Syafi'e sahaja. Misalnya di LZS mendefinisikan zakat pertanian sebagai:

“Satu zakat yang dikenakan ke atas makanan asasi yang mengenyangkan ke atas sebuah negeri yang telah cukup nisab. Hasil tanaman yang wajib dizakatkan adalah bijirin–bijirin daripada jenis makan asasi yang mengenyangkan dan tahan lama jika disimpan seperti padi, kurma, jagung, gandum dan sebagainya. Makanan asasi bagi penduduk di Malaysia adalah nasi dan nasi dihasilkan daripada padi” (Lembaga Zakat Selangor, 2012).

Di PUZ MAINPP dan Baitulmal MAIPs menambah syarat hasil tanaman “yang diusahakan oleh manusia” (Pusat Urus Zakat Pulau

Pinang, 2012) dan “di atas tanah milik sendiri, sewa atau sebagainya” (Baitulmal MAIPs, t.t) dalam pendefinisian zakat tanaman mereka. Manakala di TBS mendefinisikan sebagai sebahagian daripada “pendapatan bersih” dan “hasil pertanian yang bermanfaat” (Tabung Baitulmal Sarawak, 2012). Sesuatu pentafsiran itu berhubung rapat dengan perlaksanaannya contohnya di Sarawak mengenakan istilah “pendapatan bersih” disebabkan TBS membenarkan penolakan kos operasi sebelum dikenakan zakat berbanding Selangor yang hanya mengenakan ke atas hasil kasar. Namun istilah “hasil pertanian yang bermanfaat” telah membuka dimensi masalah dalam memperluaskan hasil tanaman selain padi kepada hasil tanaman yang mendatangkan keuntungan yang lumayan dan manfaatnya kepada para asnaf.

Namun terdapat isu di Baitulmal MAIPs berkenaan definisi zakat pertanian, ini kerana berdasarkan fatwa mengkategorikan zakat pertanian termasuk di bawah zakat gaji atas dasar memperolehi hasilnya pada musim dan waktu tertentu (Fatwa Negeri Perlis, t.t), ini bertentangan dengan definisi yang dikeluarkan oleh pihak Baitulmal Perlis (Baitulmal Perlis, t.t). Berdasarkan kepada kepelbagaian pentakrifan ini, sewajarnya pihak-pihak yang berwajib negeri membangunkan sistem garis panduan tafsiran setiap istilah jenis-jenis harta dan asnaf zakat agar perlaksanaannya termasuklah taksiran zakat pertanian selari dengan terminologi yang ditetapkan.

Nisab Zakat Pertanian Di Malaysia

Jumhur fuqaha bersepakat nisab tanaman adalah 5 *awsuq* bersandarkan kepada hadith daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a. (Ibn Qudamah, 1994). Walau bagaimanapun pendapat ini tidak dipersetujui oleh Imam Abu Hanifah yang tidak menghadkan nisab tanaman, dan diwajibkan zakat atas hasil produktiviti tanpa melihat kepada kuantiti.

Di Malaysia seluruh negeri berpegang kepada pendapat jumhur ulama (Ibn Qudamah, 1994) dengan mengenakan nisab dengan kadar 5 *awsuq* sebagai kayu ukur kemampuan dan kelayakan pembayar zakat untuk mengeluarkan zakat tanaman padi. Penetapan kadar nisab adalah bagi hasil tanaman padi yang telah dibersihkan iaitu dibuang kulit dan jeraminya. Oleh itu, timbangan nisab 5 *awsuq* yang dipraktikkan adalah berasaskan timbangan beras, adapun padi yang belum dibersihkan yakni belum dibuang kulit maka ketetapan nisabnya adalah diganda dua iaitu 10 *awsuq*.

Walaupun begitu, negeri-negeri di Malaysia tidak bersepakat dalam penetapan kadar timbangan metrik gantang dan kilogram, seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Ketidakselarasan nisab zakat padi di Malaysia

Bil	Negeri	Gantang	Kilogram (kg)
1	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	363 gantang	1306 kg / 1.306 tan
2	Pusat Urus Zakat Penang (PUZ MAINPP)	363 gantang	1300 kg / 1.3 tan
3	Baitulmal Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs)	363 gantang/ 2 kunca 7 naleh	1300 kg / 1.3 tan
4	MAIDAM Terengganu	375 gantang/600 gantang Madinah	937 kg / 0.937 tan
5	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	400 gantang/50 pasuk	1080 kg / 1.08 tan

Sumber: Hasil temu bual bersama Pengurusan Zakat Negeri

Berdasarkan Jadual 2 di atas terdapat tiga kepelbagaian kadar gantang Malaysia iaitu 363 gantang, 375 gantang dan 400 gantang. Begitu juga dengan kepelbagaian kadar kilogram iaitu 987 kg, 1080 kg, 1300 kg dan 1306 kg. Kepelbagaian ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang dibincangkan di bawah.

Faktor pertama: Tidak terdapat keselarasan timbangan gantang di setiap negeri dan *converter* peralihan timbangan daripada 5 *awsuq* kepada timbangan gantang dan kilogram.

Asasnya kerana gantang adalah alat untuk menyukat dan bukan untuk ditimbang berdasarkan hadith diriwayatkan oleh Ibn 'Umar (Al-Nasa'i, t.t). Sukatan satu gantang (*sa'*) berbeza berdasarkan keadaan dan semasa misalnya berbeza sukatan gantang Madinah dan Mesir, ini kerana setiap negeri berijtihad menetapkan kadar *sa'* ini berdasarkan bentuk dan saiz model gantang yang diwarisi.

Di Sarawak, menurut Zulhazmi Bohari (Temu bual bersama Zulhazmi Bohari, Pegawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman bertarikh 24 September 2012) masih menggunakan timbangan traditional 40 sehingga 55 pasuk yang telah diamalkan oleh pengusaha padi terdahulu sebelum wujudnya Tabung Baitulmal Sarawak dan kadar ini masih dipraktikkan sehingga sekarang, walaupun pada tahun 2007 pihak Baitulmal telah menetapkan kadar timbangan moden 400 gantang bersamaan 1080 kg (1 gantang = 2.7 kg). Penetapan gantang ini disokong oleh Mujaini Tarimin (1987) dan Mahmood Zuhdi (1996) iaitu 400 gantang Malaysia menyamai 1600 kati dengan kiraan satu gantang menyamai 4 kati, akan tetapi mereka berbeza dari segi penetapan kilogram iaitu masing-masing 960 kg (1 gantang = 2.4 kg) dan 1000 kg (1 gantang = 2.5 kg).

Di Terengganu kadar nisab berjumlah 375 gantang atau 600 gantang Madinah bersamaan dengan 937 kg (1 gantang = 2.5 kg). Manakala di Perlis, Selangor dan Pulau Pinang mengenakan sebanyak 363 gantang atau 2 kunca 7 naleh bersamaan 1300 kg dan 1306 kg (1 gantang = 3.58 kg).

Kepelbagaian ini jelas disebabkan oleh timbangan traditional lokaliti yang masih digunakan seperti pasuk, kunca dan naleh. Pentaksiran kadar satu gantang yang berbeza sama ada 2.5 kg atau 2.7 kg atau 3.58 kg menyumbang kepada perbezaan ini. Asas perbezaan ini berlaku disebabkan oleh jenis padi yang ditanam di sesuatu kawasan, kerana setiap jenis padi mempunyai timbangan berat yang berbeza bergantung kepada kualiti gred padi serta ketumpatannya.

Perselisihan pendapat ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan di seluruh dunia, begitu juga para ulama berbeza pendapat berapa kilogramkah satu gantang Baghdad? Misalnya perbezaan kadar timbangan Imam Abu Hanifah dan Imam Syafi'e masing-masing dengan lapan kati dan lima satu pertiga ($5 \frac{1}{3}$) kati (Abu 'Ubaid, 1988). Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh faktor setempat dan semasa contohnya, Imam Abu Hanifah menetap di Iraq manakala Imam Syafi'e di Hijaz.

Faktor kedua: Melibatkan bidang kuasa pembuat dasar iaitu Jabatan Mufti dan Baitulmal Negeri

Pembuat dasar iaitu Jabatan Mufti dan Baitulmal negeri perlu menilai semula isu ini sepertimana penilaian yang dilakukan Muzakarah Fatwa

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-57 membincangkan cara penetapan harga zakat fitrah seluruh Malaysia (Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2012). Hasil daripada perbincangan Muzakarah telah memutuskan harga zakat fitrah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan harga setempat yang ditetapkan oleh Padi Beras Nasional Berhad BERNAS bagi beras Super Tempatan Gred A mengikut timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.6 kg. Manakala zakat fitrah bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan harga beras *Vietnam White Rice* bagi negeri Sabah dan *Thai White Rice* bagi negeri Sarawak mengikut timbangan 1 Baqhdad bersamaan 2.7 kg. Gantang yang disukat kepada timbangan metrik digital menggunakan replika kayu gantang Baqhdad dari Negeri Sembilan dan replika tembaga gantang Baqhdad dari Majlis Agama Islam Kelantan.

Jika dibandingkan dengan keputusan Muzakarah mengenai ketetapan kadar zakat fitrah dengan amalan yang diaplikasi di negeri-negeri menunjukkan negeri Sarawak sahaja menyamaratakan timbangan kadar zakat fitrah dengan zakat hasil pertanian iaitu satu gantang bersamaan 2.7 kg, yang membezakan hanya kuantiti yang perlu dikeluarkan iaitu zakat fitrah hanya 1 gantang manakala hasil tanaman 400 gantang. Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia sepertimana keputusan muzakarah mensyorkan kadar satu gantang Baqhdad zakat fitrah bersamaan 2.6 kg, akan tetapi dari sudut amalannya sukatan 1 gantang bagi hasil tanaman berbeza di setiap negeri misalnya di Terengganu satu gantang bersamaan 2.5 kg, manakala di Perlis, Pulau Pinang dan Selangor menetapkan 3.58 kg segantang.

Timbul persoalan menyamaratakan kadar satu gantang zakat fitrah dengan satu gantang zakat hasil tanaman. Ini kerana timbangan satu gantang yang dimaksudkan dalam zakat fitrah adalah gantang Baqhdad. Manakala gantang yang digunakan dalam zakat tanaman di Malaysia sudah diubah kepada timbangan gantang Malaysia. Misalnya di Sarawak 400 gantang (Tabung Baitulmal Sarawak, 2012) hasil tanaman yang dimaksudkan adalah gantang Malaysia.

Perlunya ditetapkan satu standard keselarasan timbangan metrik moden iaitu gantang dan kilogram. Fatwa penetapan nilai nisab ini perlu dinilai semula dari semasa ke semasa bagi mendapatkan nilai yang tepat, ini disebabkan perbincangan mengenai nisab zakat kurang ditekankan di peringkat Baitulmal Negeri dan Jawatankuasa Fatwa. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, fatwa atau keputusan

nisab zakat pertanian selepas pertama kali difatwakan tidak dinilai semula dalam tempoh yang lama, misalnya di Selangor, Pulau Pinang dan Terengganu hanya membahaskan isu penetapan kadar, penolakan kos-kos dan subsidi sahaja. Penilaian semula hukum nisab berlaku di Sarawak daripada 363 gantang ditukar kepada 400 gantang pada tahun 2007, akan tetapi tidak menitikberatkan secara terperinci perakaunan atau taksiran nilai semasa satu gantang. Begitu juga di Perlis, fatwa menetapkan nisab padi 2 kunca 7 nalah bersamaan 937 kilogram, namun pihak Baitulmal telah meminda timbangan kilogram kepada 1300 kg berdasarkan situasi semasa tanpa melibatkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (Temu bual bersama Roslan Isa, Timbalan Mufti Negeri Perlis bertarikh 5 September 2012).

Hasil temu bual bersama Jabatan Mufti Negeri berkenaan fatwa-fatwa zakat pertanian yang pernah diputuskan amat mendukacitakan sekali kerana fatwa-fatwa tersebut tidak disimpan dan didokumenkan secara sistematik dan menyukarkan penyelidik meneliti tarikh yang tepat keputusan pernah dikeluarkan, salinan minit mesyuarat muzakarah, hasil perbincangan secara terperinci dan sebagainya. Fakta ini diperakui oleh Ahmad Hidayat buang dalam analisa beliau terhadap fatwa-fatwa semasa syariah di Malaysia (Ahmad Hidayat Buang, 1988).

Penilaian berkenaan dengan isu perubahan fatwa timbangan gantang di Sarawak dan Perlis, bukanlah disebabkan oleh perubahan ekonomi dan teknologi semasa, ini kerana dalil nisab 5 *awsuq* sangat jelas (*sarih*). Kemungkinan perubahan fatwa nisab adalah sebagai penambahbaikan terhadap hukum yang kurang tepat yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa terdahulu.

Dalam arus globalisasi serba canggih ini, masalah ini boleh diatasi dengan kaedah timbangan metrik yang moden seperti penimbang jenis 'digital' yang disediakan oleh Unit Metrik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dipraktikkan bagi memastikan ketepatan timbangan menyamai 5 *awsuq* atau 300 gantang Baqhdad kepada kadar gantang Malaysia.

Dalam timbangan sistem metrik cupak (*mudd*) ditimbang dengan istilah gram (g), manakala gantang (*sa*) dan *wasuq* ditimbang dengan kilogram (kg). Walaupun begitu terdapat kesukaran dalam mendapatkan timbangan yang tepat, walaupun menggunakan sukatan satu gantang yang sama timbangannya, akan tetapi hasil timbangan akan berbeza disebabkan jenis dan ketumpatan misalnya timbangan kacang lebih berat daripada jagung, dan jagung lebih berat daripada padi dan tepung.

Selain itu, ulama juga berbeza pendapat dalam menetapkan timbangan satu gantang.

Kadar gantang adalah untuk sukatan, oleh itu timbangan yang lebih tepat adalah dalam liter dan bukan kilogram, akan tetapi dengan peredaran zaman timbangan kilogram adalah lebih ideal serta memudahkan urusan muamalat manusia. Justeru maqasid syariah mengiktiraf unsur setempat iaitu Negara seperti perbezaan yang berlaku di Madinah dan Baqhdad, maka di Malaysia secara lokalitinya perlu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Semenanjung Malaysia dan Sabah Sarawak. Penilaian semula perlu bagi menetapkan satu anggaran tepat timbangan diantara jenis-jenis padi yang ditanam di sesuatu kawasan, kerana ia bersifat ijtihad semasa. Pembahagian dua jenis kawasan ini disebabkan faktor geografi yang berbeza, teknologi yang digunakan serta taraf ekonomi petani, ini kerana pertanian yang diamalkan di Sarawak dan Sabah berbeza daripada yang diamalkan di Semenanjung Malaysia.

Penetapan kadar gantang bolehlah merujuk kepada kaedah keselarasan kadar zakat fitrah oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan iaitu satu gantang Baqhdad bersamaan 2.6 kg bagi negeri di Semenanjung dan 2.7 kg bagi negeri di Sabah dan Sarawak. Namun perbezaan berapa gantang yang seharusnya ditukar sama ada 363 gantang, 375 gantang atau 400 gantang Malaysia haruslah dipanjangkan kepada peringkat Suruhanjaya Pentadbiran Zakat Negeri-Negeri (SPZN) untuk menilai kadar tukaran yang tepat kadar satu gantang Baqhdad jika diterjemahkan dalam timbangan kilogram Malaysia. Manakala penetapan harga semasa bergantung kepada jenis padi yang ditanam berdasarkan kualiti dan ketumpatannya misalnya padi sawah dan padi huma dan boleh dirujuk kepada pihak BERNAS.

Ketetapan Haul Bagi Zakat Pertanian

Berbanding jenis-jenis harta lain yang dikenakan zakat, zakat pertanian dikecualikan daripada ketetapan haul kerana hasil pertanian dikutip apabila tiba waktu menuainya sahaja, berdasarkan firman Allah s.w.t dalam surah al-An'am ayat 141 "*Dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya*". Namun amalan di Selangor, Sarawak dan Pulau Pinang jika nilai jualan padi pada musim pertama kurang dari nisab, maka hendaklah dicampurkan ke musim kedua di dalam tahun yang sama. Ini kerana berdasarkan temu bual bersama

pihak LZS, TBS dan PUZ MAINPP, kebanyakan petani akan membayar zakat tanaman diakhir tahun bagi memudahkan urusan mereka. Kaedah yang ditetapkan ini seolah-olah mengaplikasikan tempoh haul yang bertentangan dengan nas. Objektif dalam penentuan nisab adalah sebagai kayu ukur kemampuan seseorang dalam mengeluarkan zakat, namun kaedah ini dilihat sebagai menekan para petani dengan mewajibkan zakat tanaman walaupun hasil tanaman tidak melebihi kadar nisab sesuatu musim.

Kadar Zakat Pertanian Di Malaysia

Di Malaysia, seluruh negeri di Semenanjung bersepakat menggunakan asas penetapan kadar 10% dan 5% bersumberkan hadith Ibn 'Umar dan hadith Mu'az (al-Asqalani, t.t). Penentuan kadar zakat tanaman dibahagikan kepada dua kategori berasaskan metode pengairan dan tenaga yang digunakan iaitu sama ada pengairan secara semula jadi atau menggunakan jentera serta tenaga manusia. Namun, sebahagian negeri menghadkan kadar dengan mengenakan kadar tunggal sama ada 10% atau 5% sahaja. Manakala di Sarawak kadar alternatif ketiga dikenakan iaitu 7.5% berdasarkan pendapat Ibn Qudamah, seperti Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Ketidakselarasan kadar zakat pertanian di Malaysia

Bil	Negeri	Kadar Zakat
1	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	5% sahaja
2	Pusat Urus Zakat Penang (PUZ MAINPP)	10% sahaja
3	MAIDAM Terengganu	5% dan 10%
4	Baitulmal MAIPs	5% dan 10%
5	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	5%, 10% dan 7.5%

Berdasarkan Jadual 3 di atas dapat disimpulkan terdapat tiga kategori penetapan kadar zakat tanaman, seperti berikut:

Kategori pertama: Penetapan kadar tunggal sama ada 5% atau 10% sahaja yang diamalkan di negeri Selangor dan Pulau Pinang

Di Selangor, pada tahun 1989 kadar zakat tanaman yang dibenarkan pada awalnya adalah pilihan sama ada 5% atau 10% mengikut kerelaan petani. Oleh kerana tidak terdapat satu panduan yang khusus, pihak Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah memutuskan kadar zakat tanaman padi ialah 10% sahaja berdalilkan kitab *Majmu' Syarah al-Muhazzab* menyatakan parit dan tali air yang dikorek berhubung dengan sungai yang besar dan memakan belanja yang tinggi zakatnya masih dikenakan sebanyak 10% (Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Selangor, 1989). Kini dengan penggunaan teknologi pertanian moden Mohd Farid Mohd Zainal (Temu bual bersama Mohd Farid Mohd Zainal, Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor bertarikh 12 September 2012) menegaskan Lembaga Zakat Selangor telah menilai semula dan menetapkan kadar 5% bagi zakat tanaman dengan alasan realiti di Selangor seluruh 100% petani yang mengusahakan tanaman padi sawah menggunakan saluran yang disediakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran JPS Selangor melibatkan saluran yang sistematik dan terancang serta tidak lagi menggunakan saluran semulajadi.

Fuqaha juga berbeza pendapat dalam isu pembelian air ini sepertimana al-Rafi'e berbeza pendapat dengan al-Dusuqi dengan mengenakan kadar 5% jika melibatkan pembelian air (cukai tali air), beliau berpendapat pembelian air tergolong dalam tanggungan kos (al-Nawawi, t.t) walaupun terdapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum dikurangkan kadar zakat iaitu kos tersebut mestilah kos yang besar dengan melihat kepada 'urf pertanian semasa dan kos tersebut secara langsung mempengaruhi produktiviti hasil pertanian. Ini kerana para fuqaha tidak memasukkan kos mewujudkan saluran atau takungan sebahagian daripada kos tanaman berdasarkan pendapat Imam Nawawi disokong oleh Imam Haramain.

Di Pulau Pinang berlaku juga penilaian semula hukum penetapan kadar semasa. Kadar 5% adalah kadar sediakala dipakai sebelum ini oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2005), namun pada tahun 2005 Muzakarah Fatwa Negeri telah memutuskan kadar zakat tanaman padi sebanyak 10% dengan memberi pelepasan kos operasi. Mufti Pulau Pinang dalam memutuskan keputusan ini berpegang kepada pandangan al-Dusuqi (1996). Ini berdasarkan hasil temu bual

bersama Y.Bhg. Sahibul Samahah Dato' Seri Haji Hassan Haji Ahmad, Mufti Negeri Pulau Pinang bertarikh 20 September 2012, seperti berikut:

“Timbul juga isu berkenaan dengan cukai tali air JPN (Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri), cukai air tidak banyak dan tidak padan dan tidak boleh dimasukkan dalam usaha pengairan yang menjadikan kadarnya 5%. Contohnya satu relong berapa RM sahaja. Oleh itu ia dikira sebagai cukai biasa sahaja. Kadar 10% lebih menguntungkan kepada asnaf dan lebih sesuai”.

Berkenaan kenyataan di atas seolah-olah Y.Bhg Sahibul Samahah hanya mengutamakan masalah para asnaf berbanding melihat dengan lebih menyeluruh kedua-dua entiti zakat termasuklah petani (*muzakki*) itu sendiri. Namun, *berdasarkan* keputusan Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang dalam menetapkan kadar 10% dengan mengambil kira penolakan kos-kos operasi, adalah hampir menyamai kadar 5% sepertimana yang diaplikasikan di Selangor ke atas kos kasar iaitu tanpa penolakan sebarang kos-kos.

Kategori kedua: Penetapan kadar zakat tanaman adalah dengan kadar 10% bagi saliran semula jadi dan kadar 5% bagi yang melibatkan tenaga kerja sepertimana yang dipraktikkan di Perlis dan Terengganu

Di Perlis kadar zakat yang telah ditetapkan pada tahun 1980an adalah sebanyak 5% sahaja iaitu kadar tunggal (Fatwa Negeri Perlis, t.t). Namun Baitulmal MAIPs telah mengemaskini kaedah dengan mengenakan kadar 5% sekiranya tidak menolak sebarang kos dan 10% sekiranya ditolak kos-kos bagi menepati dengan kehendak syarak (Baitulmal MAIPs, t.t). Kaedah terkini yang digunapakai oleh Baitulmal MAIPs lebih menitikberatkan nilai keadilan kepada para petani dan asnaf zakat dengan mengimbangi diantara kadar penetapan zakat tanaman dengan penolakan kos-kos tertentu.

Di Terengganu kadar tunggal 10% telah dikenakan pada tahun 1990 (Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu, 1990) kerana saliran air ketika itu didapati dari parit dan saliran air yang percuma dan cukai air yang dikenakan ketika itu tidak membebankan maka tidak mengubah kadar zakat. Keadaan berubah pada tahun 1994 (Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu, 1994) apabila

wujudnya usaha menggunakan jentera moden dalam sektor pengairan maka ia dikenakan 5%, dan kadar 10% masih dikenakan bagi petani yang menggunakan saluran air traditional menggunakan parit, takungan air dan tadahan hujan.

Kategori ketiga: Menetapkan kadar alternatif ketiga iaitu 7.5% selepas 5% dan 10%, sepertimana yang dilaksanakan di Sarawak

Meskipun kadar yang telah ditetapkan nas 5% dan 10% sahaja, namun secara praktikalnya pihak Tabung Baitulmal Sarawak mengenakan secara puratanya dengan kadar 7.5% sahaja berdasarkan pandangan Ibnu Qudamah (Temu bual bersama Zulhazmi Bohari, Pengawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman bertarikh 24 September 2012). Ini kerana faktor geografi di Sarawak berbeza disamping jenis tanaman seperti padi huma dan padi sawah, begitu juga kawasan tanaman yang berbukit bukau yang menghadkan penggunaan teknologi moden dalam sistem pengairan dan pertanian.

Perbincangan penetapan kadar 7.5% hanya jika melibatkan dua jenis tanaman atau lebih, dijirus secara bercampur-campur dan sekiranya nisbah kedua-dua pengairan sama banyak (Ibn Qudamah, 1994). Ini kerana berkenaan kerja-kerja menggali parit atau tali air Ibnu Qudamah tidak memasukkannya dalam takrif penjirusan dan tidak mengurangkan kadar zakat, oleh kerana istilah “kerja berat” terlalu subjektif dan sukar ditentukan (Al-Nawawi, t.t).

Berpandukan analisa ketiga-tiga kategori di atas, disimpulkan kadar zakat pertanian di Malaysia berbeza mengikut persekitaran negeri masing-masing. Ini kerana perbezaan disebabkan oleh pengaruh faktor-faktor kapasiti pengairan saluran air, cuaca, sumber tenaga (teknologi) dan perubahan geografi sesetengah tempat. Tidak dinafikan asas penetapan kadar zakat tanaman bertunjangan hadith Ibn ‘Umar dan hadith Mu’az yang berasaskan pengairan sama ada 10% ataupun 5%, namun objektif syariah meraikan keadaan setempat (lokaliti).

Jumhur fuqaha mazhab telah memperincikan kaedah penetapan kadar ini seperti al-Kasani (2002) mengiyaskan bebanan sebagai ‘illah penentuan begitu juga ‘Imrani (2000) dan Ibn Qudamah (1994) dengan mendatangkan contoh haiwan *sa’imah* diwajibkan zakat, ini kerana zakat diwajibkan ke atas hasil usaha manusia dan bebanan akan mengurangkan produktivitinya. Walaupun begitu, al-Dusuqi (1996)

menegaskan penetapan kadar 10% jika membeli air atau mengupah pengairan disebabkan bebanan yang sangat sedikit.

Dalam arus globalisasi kini yang menuntut setiap tindakan diurus tadbir, maka kadar zakat pertanian tidak lagi diputuskan oleh petani sendiri sepertimana yang diamalkan secara traditional dahulu. Kini, urusan pengairan pertanian diurus oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri, oleh itu sudah menjadi tanggungjawab Baitulmal Negeri dari semasa ke semasa berhubung dengan pihak yang secara lansung mengurus sektor pertanian ini, bagi mengemaskini hukum dan menetapkan kaedah berasaskan pengairan yang bersesuaian dengan keadaan semasa.

Penolakan Perbelanjaan Kos Zakat Pertanian Di Malaysia

Di Malaysia, taksiran zakat tanaman padi termasuklah wang subsidi (kupon) yang diperolehi dikira sebagai *al-Mal al-Mustafad* dan wajib dikeluarkan 2.5% jika mencukupi nisab sepertimana amalannya di Selangor, Sarawak, Perlis dan Pulau Pinang (Muhamad Firdaus, 2014). Kos yang dimaksudkan ialah kos operasi tanaman dan kos sara hidup. Definisi kos operasi ialah kos pengeluaran tanaman yang diambil kira daripada kos tetap dan kos berubah. Kos tetap adalah terdiri daripada sewa tanah dan cukai air serta zakat tanaman. Kos berubah termasuklah kos input dan kos buruh yang digunakan dalam usaha tanaman padi, ini kerana kegunaan jenis baja, varians benih dan racun yang berbeza di kalangan petani, begitu juga halnya dengan kos tenaga kerja bagi jumlah buruh yang digunakan, kos buruh yang dibayar berdasarkan kerja-kerja kontrak diasingkan daripada jumlah kos buruh yang diusahakan sendiri oleh petani dan keluarga. Manakala kos sara hidup difahami berdasarkan konsep cukup hidup keperluan asasi iaitu jumlah tertentu pendapatan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan hidup minima, bagi mengekalkan suatu taraf hidup yang memuaskan berdasarkan norma-norma yang sedia ada (Chamhuri Siwar, 2002). Oleh itu, pelepasan kos tertentu sebelum dikenakan zakat pertanian sudah diaplikasikan di sebahagian negeri di Malaysia sebagai keringanan kepada petani dengan membenarkan penolakan kos operasi tanaman dan hanya di negeri Perlis secara rasminya membenarkan pelepasan kos operasi tanaman dan kos sara hidup seperti Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Ketidakselarasan tolakan kos sebelum diwajibkan zakat padi

Bil	Negeri	Tolakan Kos
1	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	-
2	Pusat Urus Zakat Penang (PUZ MAINPP)	Tolak kos operasi dan sara hidup (jika tiada punca pendapatan lain)
3	MAIDAM Terengganu	Tolak kos operasi
4	Baitulmal MAIPs	Tolak kos operasi dan kos sara diri
5	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	Tolak kos operasi sahaja

Berdasarkan hasil temu bual didapati tiga kategori penolakan kos sebelum dikenakan zakat padi, seperti berikut:

Kategori pertama: Tidak dibenarkan sebarang penolakan kos dan dikenakan zakat tanaman ke atas kos kasar sahaja

Di negeri Selangor sahaja tidak membenarkan sebarang penolakan kos dan dikenakan zakat tanaman ke atas kos kasar sahaja. Sebahagian negeri pula hanya memberikan pelepasan kos operasi sahaja seperti yang dipraktikkan di negeri Terengganu dan Sarawak. Manakala pelepasan seluruh kos termasuk kos operasi dan kos sara diri dibenarkan sebelum pengeluaran zakat tanaman di negeri Pulau Pinang dan Perlis.

Di Selangor, zakat tanaman dikenakan ke atas pendapatan kasar sahaja. Ini berdasarkan keputusan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' pada tahun 1989 berpandukan kitab *al-'Ubab* menyatakan:

“Apabila sesudah menuai hasil tanaman, para petani tidak dibenarkan memakan hasil tersebut, membayar upah mengetam atau mengeluarkan sedekah sebelum dikeluarkan zakat tanaman. Hukuman takzir akan dikenakan sekiranya petani ingkar. Manakala segala perbelanjaan kos tanaman ditanggung sendiri oleh para petani.” (Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' Negeri Selangor, 1989)

Keputusan ini masih diaplikasikan sehingga kini, walaupun kebanyakan negeri seperti Perlis, Pulau Pinang, Terengganu dan Sarawak sudah memberi pelepasan sama ada penolakan kos operasi sahaja atau dengan kos sara diri. Berdasarkan temu bual bersama Mohd Farid Mohd Zainal, Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor bertarikh 12 September 2012 mendapati isu ini masih belum dilakukan kajian semula oleh pihak Penyelidikan Syariah LZS walaupun terdapat permintaan penilaian semula berkenaan dengan penolakan kos had kifayah para petani yang membayar zakat tanaman.

Kategori kedua: Negeri-negeri yang membenarkan pelepasan kos tertentu sebelum dikenakan zakat tanaman iaitu seperti yang dipraktikkan di Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang dan Perlis

Negeri Perlis, Pulau Pinang, Terengganu dan Sarawak bersepakat memberikan pelepasan kos kepada pengusaha padi seperti kos baja, racun, sewa tanah, upah tenaga dan mesin tuaian dan upah membajak tanah. Manakala penolakan kos pengangkutan dibenarkan di semua negeri di atas kecuali negeri Terengganu. Walaupun hukum penolakan kos sudah diputuskan, hakikatnya di Terengganu hukum ini tidak dipraktikkan oleh golongan petani, sehinggakan ia tidak dicatatkan di dalam pamflet panduan zakat pertanian MAIDAM 2012. Menurut Tuan Zuhaimi Tuan Sembok, Pengawai Eksekutif Taksiran Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM (temubual bertarikh 3 Oktober 2012) kebanyakan petani membayar zakat berniatkan '*ibadah mahdah* yang bersifat *ta'abbud* yang terdiri daripada golongan petani yang berumur. Oleh itu, mereka berpegang kepada pandangan jumah fuqaha yang mentakrifkan kekayaan seseorang dengan hanya cukup kadar nisab. Golongan ini tidak menerima pakai pendapat berasaskan pendapat Ibnu 'Abbas dan Ibnu 'Umar tentang keharusan penolakan kos *daruriyyat* dan keperluan asasi walaupun telah dimaklumkan oleh pihak MAIDAM.

Di Pulau Pinang terdapat satu lagi pelepasan yang dibenarkan pada tahun 2005 iaitu potongan luar jangka sebanyak $\frac{1}{4}$ seperti serangan burung, bencana alam dan lain-lain. Walaupun begitu, berdasarkan pendapat Azhari Ahmad, Pengawai Eksekutif Dakwah Dan Rundingan Syara', Jabatan Kutipan dan Pemasaran, Pusat Urus Zakat MAINPP (temubual bertarikh 18 September 2012) dan juga pamflet zakat tanaman padi 2012 tidak dinyatakan pelepasan ini, ini

jelas menunjukkan ia sudah tidak diamalkan oleh Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

Berkenaan dengan penolakan kos sara hidup, hasil temu bual yang telah dijalankan mendapati hanya negeri Perlis dan Pulau Pinang sahaja yang membenarkan penolakan seluruh kos iaitu kos pengeluaran dan keperluan sara diri. Di Perlis penolakan kedua-dua kos ini telah diputuskan semenjak tahun 1980an oleh Jawatankuasa Fatwa Perlis ketika itu. Mereka mengistinbat keharusan ini berdasarkan pendapat Ibnu ‘Abbas, Ibn ‘Umar, Ahmad Ibnu Hanbal dan lain-lain dengan alasan hutang *daruriyyat* bagi persoalan penolakan kos operasi adalah masalah *ijtihadiyyah* berpandukan hadith, maksudnya:

“Diriwayatkan oleh Abu ‘Ubaid dalam bab al-Amwal dengan sanadnya daripada Jabir bin Zaid dengan katanya kepada lelaki yang berhutang untuk digunakan bagi keperluan keluarganya dan ladangnya, katanya: Ibnu ‘Abbas berkata dipotong hutang yang bersangkutan dengan ladangnya, Ibnu ‘Umar berkata: dipotong hutang pengeluaran dan juga untuk keluarganya (sara diri).”

Yahya Adam telah juga meriwayatkan seperti di atas, katanya: Ibnu ‘Umar berkata: hendaklah hasil daripada tanaman digunakan untuk membayar hutang terlebih dahulu dan dikeluarkan zakat yang baki daripadanya. Ibnu Abbas berkata: Ditunaikan terlebih dahulu apa yang dihutangkan sebagai kos pengeluaran dan bakinya dikeluarkan zakat.

Manakala penolakan keperluan asasi dan perbelanjaan *daruriyyat* berasaskan pendapat Ibnu ‘Umar yang menyatakan bahawa zakat dikenakan ke atas orang-orang kaya sahaja berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w yang bermaksud “*Tidaklah bersedekah (berzakat) melainkan ke atas orang kaya*” (al-Bukhari, 1993), ini selari dengan hadith “*Diambil zakat dari orang kaya mereka dan dipulangkan ke atas orang fakir mereka*” (al-Bukhari, 1993). Ini kerana salah satu asnaf yang menjadi objektif kutipan zakat adalah membantu golongan fakir miskin sepertimana firman Allah s.w.t dalam surah at-Taubah ayat 60.

Secara amalnya di Perlis, penolakan kos pengeluaran secara amnya dibenarkan kepada seluruh warga petani, namun penolakan seluruh kos iaitu kos operasi dan sara diri hanya dibenarkan jika petani tersebut tidak mempunyai pendapatan yang lain selain daripada bertani. Baitulmal MAIPs mengimbangi diantara penetapan kadar dan

penolakan kos, misalnya sekiranya berlaku penolakan kos sebelum dizakatkan maka kadar yang dikenakan adalah sebanyak 10% (kadar asal). Keadaan kedua, sekiranya petani tidak menolak sebarang kos, maka kadar yang ditetapkan adalah sebanyak 5% (kadar *ruksah*).

Baitulmal MAIPs telah menetapkan formula yang khusus bagi penolakan kos keperluan sara diri meliputi keperluan diri petani dengan kadar sehari RM14.12, kadar keperluan sehari isteri RM8.47 dan kadar sehari bagi anak-anak adalah RM3.28. Manakala jumlah penolakan maksima setahun yang dibenarkan bagi keperluan diri petani, isteri dan anak-anak masing-masing RM5,000, RM3,000 dan RM1,200. Selain itu penolakan hutang *daruriyyat* seperti kenderaan dan kediaman juga dibenarkan, begitu juga kos perubatan dan pemberian ehsan kepada ibu bapa. Di Pulau Pinang, Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.1/2005, Perkara 3.0 (e) telah mengesyorkan penolakan kos sara diri jika tidak mempunyai pendapatan yang lain sepertimana amalan di Perlis. Berdasarkan temu bual bersama Azhari Ahmad, Pengawai Eksekutif Dakwah dan Rundingan Syara', Jabatan Kutipan dan Pemasaran, Pusat Urus Zakat MAINPP bertarikh 18 September 2012, realitinya hukum ini tidak diaplikasikan oleh Pusat Urus Zakat Majlis Agama Islam Pulau Pinang walaupun sudah terdapat ketetapan Jawatankuasa Syariah dan ia tidak dimuatkan dalam pamphlet zakat tanaman padi 2012 PUZPP.

KESIMPULAN

Cadangan serta intipati yang dapat diambil daripada perbincangan kajian ini ialah penilaian sesuatu fatwa zakat pertanian yang telah diputuskan perlu dinilai semula dari semasa ke semasa sepertimana peruntukan di dalam seksyen 50 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri EPAI dengan memberi bidangkuasa kepada Jawatankuasa Fatwa dalam meminda, mengubahsuaikan atau membatalkan sesuatu fatwa dari semasa ke semasa. Namun, amalannya di Malaysia sesuatu fatwa yang pernah diputuskan tidak dinilai semula, kecuali jika ia menjadi isu kontroversi sepertimana termaktub di bawah seksyen 47 EPAI. Hal ini perlu diatasi segera kerana mengeluarkan sesuatu fatwa yang bersifat *ad-hoc* akan mengakibatkan sesuatu fatwa itu tidak menepati tuntutan semasa dan setempat yang kemungkinan hanya relevan pada masa dan ketika isu kontroversi itu timbul dan demi kepentingan sesetengah pihak sahaja.

RUJUKAN

- Abdul Basir Mohamad. (2006). "Tanaman zakat dan illat kewajipannya" dalam *Zakat pensyariaan perekonomian dan perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu 'Ubaid, al-Qasim bin Salam. (1988). *Kitab al-Amwal*. Beirut: Dar al-Syuruk. 620.
- Ahmad Hidayat Buang. (2002). Analisa Fatwa-Fatwa Semasa Syariah Di Malaysia. *Jurnal Syariah* 10(1), 50.
- Al-'Imrani, Yahya bin Abi Khair. (2000). *al-Bayan Fi al-Madhhab al-Imam al-Syafi'e*. Beirut: Dar al-Minhaj, 3, 236.
- Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad .(1996). *Hasyiah al-Dusuqi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiyyah, 2, 32.
- Al-Kasani, 'Alauddin. (2002). *Bada'i al-Sana'I*. Beirut: Dar al-Kutub al-'ilmiah, 2, 185.
- Al-Nawawi. (t.t). *Al-Majmu'*. Kaherah: Maktabah al-Imam, 5, 445.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1973). *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Asmak Ab. Rahman. (2004). *Pemikiran Ekonomi Islam dalam bidang tanaman dan amalannya di Malaysia*. (Tesis kedoktoran, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Asmak Ab.Rahman. (2006). Kepentingan ekonomi pertanian dari perspektif Islam dan amalannya di kalangan pesawah padi di Selangor. *Jurnal Syariah*, 14(1), 53-76.
- Baitulmal MAIPS. (t.t). *Buku panduan mengeluarkan zakat*. Perlis.
- Chamhuri Siwar. (2002). *Ekonomi Malaysia*. Selangor: Longman. ed.5. 375.
- Hasanah Binti Abd Khafidz. (2006). *Asnaf lapan: Kesan nilai semasa dan setempat dalam pentafsirannya di Malaysia*. (Tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya). 2.

- Ibn Qudamah. (1994). *al-Muqhni*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 3, 1.
- Keputusan Jawatankuasa Fatwa Terengganu Kali Ke-1 Penggal Ke-5 Membenarkan Penolakan Kos Tanaman.
- Keputusan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara’ (Fatwa) Negeri Selangor Darul Ehsan, Mengenai Penjelasan Hukum Zakat Tanaman (1989), 10-12.
- Koleksi Fatwa Negeri Perlis. (t.t). Fatwa Mengenai Zakat Gaji. Perlis, 4-10.
- Laman sesawang INFAD. (2012). Zakat tanaman. Dicapai dari <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/penentuan-harga-zakat-fitrah-seluruh-malaysia>.
- Laman sesawang Lembaga Zakat Selangor. (2012). Dicapai dari <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-pertanian/>
- Laman sesawang Pusat Urus Zakat Pulau Pinang. (2012). Dicapai dari http://www.zakatpenang.com/index.php?option=com_content&view=article&id=23&Itemid=102
- Laman sesawang Rasmi Tabung Baitulmal Sarawak. (2012). Dicapai dari <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/zakatpertanian4.html>
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. (2003). *Pengurusan zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mahyuddin Abu Bakar. (2000). *Taklid kepada Mazhab Syafie dalam amalan berkaitan zakat padi menurut undang-undang zakat Negeri Kedah* (Disertasi sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu kali ke-1 Penggal ke-5, 21 November 1999.
- Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Bil.1/2005, Perkara 3.0 (e) (f) Syor Muzakarah, 2-3.
- Mohammad Azam Hussain. (2004). “Pemakaian kaedah taqlid dalam pengiraan zakat padi” dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUFi 2004)*, ed. Irwan Mohd Subri *et.al*. Kuala Lumpur:

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia.

Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Azman Ab Rahman. (2014). “Analisa penolakan kos sebelum dikenakan zakat pertanian berdasarkan Maqasid Syari’ah” dalam *Muktamar Waqf Ilmi*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

Mujaini Tarmin. (1987). *Zakat pertanian sistem dan perlaksanaannya di Malaysia dengan rujukan khas kepada Mukim Tanjung Karang Selangor*. (Disertasi sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur), 40.

Nor Aini Binti Ali. (2013). *Taksiran dan aplikasi zakat tanaman padi di Malaysia*. (Tesis, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Perlembagaan Persekutuan (2006) Jadual Kesembilan, Senarai II (Negeri).

Pamphlet Zakat Pertanian 2012, Lembaga Zakat Selangor.

Pamphlet Zakat Pertanian 2012, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.

Pamphlet Zakat Pertanian 2012, Pusat Urusan Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Zakat, Bab Al-‘Usyr Fi Ma Yuskha Min Ma’ as-Sama’ Wa Bil Ma’ Al-Jari, no. Hadith 1483.

Riwayat al-Bukhari, Kitab al-Zakat, Bab Wujub al-Zakat, no. Hadith 1395.

Riwayat al-Bukhari, Kitab Zakat, Bab La Sadaqah Illa ‘An Zahri Qhani, no. Hadith 1360.

Riwayat Al-Nasa’i, Kitab al-Zakat, Bab Kam Sa’, no. Hadith 2520.

Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid. (2008). Potensi dan cabaran terhadap perluasan sumber zakat sektor pertanian di Malaysia. *Jurnal Management and Bussines*, 12(1), 66-76.

Surah al-An’am 6: 141.

- Temu bual bersama bersama Roslan Isa, Timbalan Mufti Negeri Perlis bertarikh 5 September 2012.
- Temu bual bersama *Sahibul Samahah* Dato' Seri Haji Hassan Haji Ahmad, Mufti Negeri Pulau Pinang bertarikh 20 September 2012.
- Temu bual bersama Tuan Zuhaimi Tuan Sembok, Pengawai Eksekutif Taksiran Zakat, Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu MAIDAM bertarikh 3 Oktober 2012.
- Temu bual bersama Azhari Ahmad, Pengawai Eksekutif Dakwah Dan Rundingan Syara', Jabatan Kutipan Dan Pemasaran, Pusat Urus Zakat MAINPP bertarikh 18 September 2012.
- Temu bual bersama Mohd Farid Mohd Zainal, Eksekutif Sektor Penerangan Korporat, Lembaga Zakat Selangor bertarikh 12 September 2012.
- Temu bual bersama Mohd Nazim Haji Md Noor, Ketua Unit Zakat Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Perlis bertarikh 4 September 2012.
- Temu bual bersama Zulhazmi Bohari, Pengawai Eksekutif Tabung Baitulmal Sarawak Cawangan Bandar Sri Aman bertarikh 24 September 2012.